

Dalam kalangan generasi pada hari ini, darurat barangkali tidak mempunyai konotasi dengan latar kehidupan mereka walaupun pernah mendapat pendedahan di sekolah dan universiti, serta proses sosialisasi masing-masing.

Namun begitu, bagi generasi pramerdeka dan pascamerdeka, darurat amat besar maknanya. Lazimnya yang menjadi rujukan, iaitu bagaimana darurat diperkenalkan sewaktu peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 walaupun darurat pernah diisytiharkan sebelumnya, iaitu sewaktu zaman pendudukan Jepun, Konfrontasi Indonesia 1964 dan Darurat Sarawak 1966.

Naratif 13 Mei 1969 perlu difahami jika mahu melihat kepada pemahaman generasi pada ketika itu. Tiga hari selepas keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) Ketiga (10 Mei 1969) diumumkan, rusuhan kaum berlaku. Pelbagai faktor telah membawa kepada tercetusnya rusuhan kaum sehingga Tun Abdul Razak, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Pertahanan pada ketika itu mengumumkan Perintah Berkurung selepas berlakunya banyak pembunuhan. Jelas, krisis nasional melanda dan negara berada di persimpangan keselamatan.

Pada 14 Mei 1969, satu Mesyuarat Khas Jemaah Menteri diadakan bersama-sama Menteri Kanan di kediaman Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Dimaklumkan bahawa Tunku mahu menasihati Yang di-Pertuan Agong (YDPA) untuk mengisytiharkan darurat agar dapat menangani situasi tersebut yang turut melihat PRU di Borneo ditangguhkan. Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) untuk mentadbir isu berkaitan dengan darurat turut dicadangkan dan pada waktu yang sama, Kabinet Darurat yang ditubuhkan merangkumi individu yang lama dan baharu untuk mengurus pentadbiran negara.

Idea Kabinet Darurat adalah untuk menguruskan hal ehwal harian untuk



Politik Siasah dan Darurat

SEJAK dua bulan yang lalu, negara diwarnai naratif politik siasah yang memungkinkan keadaan tidak stabil dan tidak menentu yang berpanjangan sehingga membawa kepada istilah darurat.

memastikan segala-galanya berjalan dengan lancar. YDPA bersetuju untuk melantik Tun Abdul Razak sebagai Pengarah MAGERAN berkuat kuasa pada 17 Mei 1969 dan banyak tugas dilakukan oleh beliau. Tunku pula kekal sebagai Perdana Menteri. Pada malam 16 Mei 1969, dalam satu perutusan ke seluruh negara, darurat diisytiharkan oleh Perdana Menteri selepas mendapat pemasyhuran daripada YDPA. Darurat berakhir pada tahun 1971, iaitu sehingga Parlimen berfungsi semula.

Pada ketika negara berhadapan dengan krisis nasional, iaitu rusuhan kaum, darurat diisytiharkan untuk menyelamatkan negara daripada menjadi padang jarak, padang tekukur.

Hatta, apabila wujud cadangan membawa usul darurat kepada YDPA pada Oktober 2020, banyak pihak tertanya-tanya adakah situasi tanah air berada dalam keadaan yang tidak terkawal? Adakah darurat memenuhi apa-apa yang sudah termaktub dalam Perkara 150? Proklamasi Darurat Perkara 150 adalah untuk menjelaskan bahawa; Jika YDPA berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, maka YDPA boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat dengan membuat dalamnya suatu perisytiharan yang bermaksud sedemikian.”

Maka, wujud beberapa andaian sama ada darurat yang dicadangkan benar-benar untuk menangani pandemik COVID-19, iaitu bencana keselamatan kesihatan atau kerana faktor yang lain?

Apabila darurat diisytiharkan, hal tersebut adalah bertujuan untuk mengatasi ancaman keselamatan negara mengikut syor dan cadangan yang dinyatakan. Barangkali dengan keadaan pandemik COVID-19 yang semakin hari semakin kritikal dengan angkanya terus meningkat secara mendadak, darurat juga boleh diusulkan untuk menangani krisis kesihatan. Timbul pula persoalan di pihak lain bahawa sekiranya hal itu berlaku, adakah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mendapat pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), tidak lagi sesuai untuk membendung pandemik COVID-19?

Sebenarnya, sekiranya darurat diisytiharkan kerajaan akan tetap berfungsi seperti biasa dan Ordinan Darurat boleh digunakan untuk kelulusan Belanjawan 2021. Eksekutif memiliki kuasa tidak terhad dalam eksekutif, perundangan dan kewangan sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan. Persoalannya, bagaimanakah semak dan imbang jika darurat menghentikan peranan Parlimen?

Darurat politik boleh menjadi pilihan untuk dilakukan di beberapa buah kawasan termasuk untuk mengelakkan Pilihan Raya Kecil Batu Sapi dan Pilihan Raya Negeri (jika perlu). Majlis Konsultasi Rekonsiliasi Nasional penting untuk ditubuhkan bukan untuk memberikan gambaran bahawa ketiadaan sokongan terhadap kerajaan, tetapi untuk bersama-sama dalam berhadapan dengan krisis nasional. Ketegangan politik boleh dikendurkan dan perebutan kuasa, pangkat dan kedudukan juga boleh diminimumkan.

Ada juga yang bertanya, mengapakah sidang Parlimen tidak ditangguhkan jika isunya berkisar tentang kelulusan Belanjawan 2021? Hal ini dikatakan demikian kerana sidang Parlimen yang lalu telah berakhir pada 27 Ogos 2020 dan sidang Parlimen yang seterusnya boleh ditangguhkan dalam tempoh enam bulan dari tarikh tersebut. Hal ini barangkali dapat meredakan suhu politik yang menggegegak. Namun begitu, umum mengetahui bahawa tempoh Oktober hingga November akan berlangsung sidang Belanjawan 2021, maka dengan menangguhkan sidang Parlimen hanya akan mengganggu persiapan perbelanjaan pengurusan dan perbekalan negara pada tahun 2021.

Ada sarjana turut menyatakan bahawa darurat menjadi pemangkin untuk mengelakkan PRU ke-15 diisytiharkan sekiranya tidak berjaya mendapat sokongan di Parlimen atau usul undi tidak percaya dibenarkan oleh Speaker Dewan Rakyat? Pada hakikatnya, walaupun sidang Parlimen digantung, hal ini tidak bererti akan terus membawa kepada pembubaran Parlimen lebih-lebih lagi YDPA telah bertitah agar ahli politik menghentikan segala tanduk politik yang menggugat kestabilan negara.

Pada waktu yang sama, adakah kerajaan pada hari ini masih dianggap sebagai kerajaan minoriti atau mengekalkan status quo seperti pada Mac 2020? Untuk memahaminya, kita perlu mengimbas kronologi peristiwa yang berlaku sejak 23 September 2020, iaitu sewaktu Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat sidang media untuk memaklumkan bahawa “kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin tumbang.” Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu mendakwa majoriti yang diperoleh adalah konklusif, iaitu kukuh dan meyakinkan, jauh daripada majoriti

YDPA ialah pengimbang kuasa politik. Maka, apabila darurat dicadangkan pastinya yang mahu dilihat adalah tujuan, matlamat dan justifikasinya tanpa melahirkan kebimbangan dalam kalangan rakyat.

kecil. Bukan empat, lima atau enam (kerusi), tetapi majoriti.

Begitu pun, usaha tersebut terhenti dengan masing-masing tertumpu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah sehinggalah Anwar kemudiannya mendapat perkenan menghadap YDPA. Pertemuan tersebut berlangsung pada 13 Oktober 2020 yang membuka ruang baharu apabila Anwar mengakui mempunyai sokongan tetapi tidak memberikan senarai nama yang menyokongnya kepada YDPA menyebabkan YDPA membuat keputusan untuk bertemu dengan presiden parti yang kemudiannya ditangguhkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Ada juga dalam kalangan pemimpin politik yang muncul menafikan sokongan kepada Anwar dan ada yang turut membuat laporan polis.

Susulan daripada peristiwa yang berpanjangan sejak 13 Oktober 2020, rundingan antara UMNO dengan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dikatakan telah berlangsung, tetapi sejauh manakah hal itu dapat meredakan kebimbangan masing-masing tidak diperincikan. Krisis parti siasah ini menjadi krisis nasional. Mesyuarat Muafakat Nasional (MN) yang sepatutnya berlangsung pada 19 Oktober lalu dibatalkan yang diikuti dengan pengumuman bahawa UMNO-PAS bersetuju Muafakat Nasional (MN) didaftarkan secara rasmi pada keesokan hari. Polemiknya berterusan dengan ketiadaan PPBM dalam MN. Berita mengejutkan muncul pula pada 21 Oktober 2020 apabila UMNO mengumumkan gencatan politik yang turut dipersetujui PKR.

Sebaik-baik selesai Mesyuarat Khas Jemaah Menteri yang diadakan pada Oktober lalu, bertiup kencang berita bahawa darurat menjadi ketetapan kerajaan. Pada hari yang sama, Perdana Menteri bersama-sama

beberapa orang pemimpin Kabinet telah diperkenankan menghadap YDPA di Istana Pahang untuk mengusulkan beberapa cadangan hasil daripada mesyuarat tersebut. Ternyata YDPA tidak terburu-buru dalam membuat keputusan.

Titah YDPA pada 25 Oktober lalu adalah penting sebagai rujukan ahli politik dan rakyat di negara ini. Menggunakan Perkara 150 Perlembagaan, walaupun ada yang menyoal hal tersebut bercanggah dengan Perkara 40 (nasihat Perdana Menteri), apabila pertama kali dalam sejarah cadangan Perdana Menteri ditolak oleh YDPA dengan menggunakan Perkara 150, tetapi keyakinan baginda kepada Perdana Menteri tidak terjejas. Kenyataan media Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja bahawa mekanisme semak dan imbang antara pelbagai cabang kerajaan perlu dihormati dan peranan YDPA untuk mengimbangkan pelbagai tuntutan adalah penting demi menjamin berlakunya keadilan dan membatasi sebarang unsur penyalahgunaan kuasa. Berpandukan prinsip raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, di samping memahami keseriusan implikasi daripada permohonan darurat terhadap imej negara, pandangan dunia antarabangsa, keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara, serta aspek kemakmuran negara dan kehidupan rakyat jelata juga mencerminkan intensiti penerimaan terhadap keputusan tersebut. Keputusan istana yang memutuskan bahawa darurat tidak diperlukan pada ketika ini membolehkan institusi Raja-Raja Melayu kekal dihormati dan diyakini kewibawaannya.

Dengan tidak wujud keperluan mengisytiharkan darurat, sudah pasti ada yang cuba membawa cadangan kerajaan minoriti yang masih mentadbir urus negara dengan majoriti kecil dan disokong dalam hal

ehwal kenegaraan oleh pihak ketiga. Ada juga yang cuba mempromosikan kerajaan perpaduan, namun fahaman dan pemikiran politik yang bercampur campur apatah lagi dengan parti gabungan yang wujud dalam gabungan besar barangkali menyukarkan misi tersebut.

YDPA ialah pengimbang kuasa politik. Maka, apabila darurat dicadangkan pastinya yang mahu dilihat adalah tujuan, matlamat dan justifikasinya tanpa melahirkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. YDPA pastinya mahu akan kesejahteraan rakyat, ekonomi dipulihkan, kesihatan kembali seperti sebelumnya, demokrasi tidak dinodai, kebebasan terpelihara dan pandemik COVID-19 dapat dikawal.

PRU ke-15 sememangnya merupakan jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi kemelut ini, tetapi ketidaksesuaian waktu menyebabkan masing-masing harus bertanggungjawab meredakan suhu dan memberikan tumpuan kepada agenda rakyat. Kini, tiba masanya pemimpin politik masing-masing mengetepikan ego politik untuk memobilisasikan sokongan, tenaga dan keupayaan untuk menyokong Belanjawan 2021 demi kepentingan rakyat dan negara.

Ufuk politik sudah berubah. Penjajaran politik tanpa ada strategi yang mapan akan menyukarkan proses penyatuan. Konsep penjajaran koalisi memerlukan ruang baharu kerana terlalu banyak koalisi dalam gabungan yang besar. Hal ini merapuhkan dan bukan mengukuhkan untuk jangka masa panjang. Adakah tahun 2021 akan melihat konfigurasi baharu dengan tarik tali politik yang masih berterusan? Segalanya berkemungkinan dalam politik walaupun berhadapan dengan krisis nasional besar yang tidak ada tarikh luputnya. □

Penulis ialah Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.